

# Sejarah Ipoh

Category: WARISAN Hits: 23351



Ipoh yang dinaikkan taraf bandaraya adalah diantara bandar yang terbesar di Malaysia. Ia mempunyai sejarah dan identiti yang tersendiri. Bandaraya yang lahir dari liku-liku sejarah ini telah mewujudkan pelbagai keistimewaan yang bukan sahaja menarik malahan berbeza dengan Bandar-bandar lain di Negeri Perak. Sehingga kini Ipoh terkenal dengan 'Bandar Bunga Kertas (Bouqianvilla)', Limau Tambun dan Gua Batu Kapur.

Bandar ini bermula dari sebuah perkampungan melayu yang wujud lebih kurang 100 tahun dahulu di tebing Sungai Kinta. Ia diapit oleh Banjaran Titiwangsa di sebelah timur dan Gunung Keledang di sebelah barat. Di samping itu juga Bandar ini dipenuhi dan dikelilingi oleh bukit-bukit batu kapur sehingga menjadikan bandar ini sebuah bandar yang unik serta berbeza dengan bandar-bandar lain di Malaysia.

Ciri-ciri rekaan dan senibina di Ipoh seperti bangunan-bangunan yang didirikan di zaman penjajahan masih lagi kekal sebagai mercu tanda, di antaranya ialah Bangunan Stesen Keretapi, Mahkamah Tinggi, Dewan Bandaran dan bangunan-bangunan rumah kedai yang lain. Di samping bangunan lama, bangunan moden juga turut dibina seperti di jalan Panglima Bukit Gantang Wahab dan Jalan Gopeng. Pada masa ini Ipoh masih lagi kekal dengan campuran bangunan-bangunan lama dan baru sehingga mewujudkan satu panorama yang menarik.

Nama bandar Ipoh berasal daripada nama seponon pokok. Pokok-pokok ini mengeluarkan getah beracun atau dikenali juga dengan *upa*. Getah beracun dari pokok itu banyak kegunaannya, ianya telah digunakan oleh masyarakat orang asli untuk memburu binatang. Getah beracun atau *upa* disalutkan pada mata sumpit dan juga untuk mempertahankan diri serta keluarga mereka.

- Asal Usul
- Sejarah
- Perlombongan
- Pemerintahan
- Pra Merdeka
- Sanitary Board

Ipoh terletak di tengah-tengah Lembah Kinta iaitu kawasan yang kaya dengan perusahaan perlombongan bijih timah yang terpenting sekali di dunia pada suatu ketika dahulu. Sungai Kinta yang mengalir seperti ular kena palu itu adalah pembahagi utama bandar Ipoh. Sungai ini merupakan alat perhubungan utama untuk mengangkut bijih timah dari sebuah perkampungan kecil Melayu iaitu Kampong Parloh ( Paloh ), ke kawasan yang berhampiran seperti Sungai Raia. Kampung Parloh merupakan nadi utama kewujudan bandar Ipoh.



Penduduk yang terawal mendiami bandar Ipoh ialah masyarakat orang asli yang diikuti oleh orang Melayu. Mereka inilah perintis dan peneroka bandar Ipoh. Dalam tahun 1879, terdapat seramai 4623 orang melayu yang mendiami persekitaran dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan bandar Ipoh.

Mereka ini telah menjalankan aktiviti perusahaan perlombongan bijih timah secara kaedah mendulang dan lombong siam iaitu secara tradisional. Bijih timah dibawa dengan tongkang dan sampan melalui Sungai Kinta. Beberapa tahun kemudian Kampung Parloh telah berubah dan menjadi sebuah pusat perdagangan dan pengagihan bijih timah. Orang-orang asing yang berhijrah seperti orang-orang Cina, India dan Eropah mula menumpu di kawasan-kawasan tersebut dan berkongsi dengan orang-orang Melayu bagi menjalankan perusahaan perlombongan bijih timah. Rumah-rumah kedai dan rumah tempat kediaman mula bertambah seperti

cendawan di kawasan persekitarannya. Major R.F. Walker dalam Sikh Annual Report Tahun 1888 telah menyebut bahawa cuma terdapat 227 buah rumah ketika itu di Ipoh. Lima puluh buah diperbuat dari konkrit, seratus tujuh puluh lima buah beratap genting dan zink. Secara beransur-ansur Kampung Parloh sedikit demi sedikit kehilangan identitinya. Sungai Kinta yang mula cetek mempercepatkan lagi pembangunan kawasan-kawasan penempatan baru seperti Epu ( *Ipoh* ), Kampung Sultan Ismail ( *Pengkalan Pegoh* ), Tobing Tinggi ( *Tebing Tinggi* ) dan Qualla Parit ( *Kuala Pari* ).

Adalah dipercayai keluarga Dato' Panglima Kinta yang mula-mula mendiami dan berkampung serta membangunkan bandar Ipoh sejak abad ke 16 lagi. Mengikut cerita orang tua-tua seorang nakhoda dari tanah sumatera telah samapai di Lembah Kinta dan menamakan dirinya Kulub Kinta menggunakan gelaran ' Yang Di Pertua Kinta'. Tun Tambak bin Maharaja Nara Wangsa Nyior Manis adalah Panglima Kinta yang pertama. Mereka memiliki seluruh kawasan Ipoh dan kawasan Kampung Paloh. Keluarga ini telah menjalankan pentadbiran di kawasan- kawasan tersebut.

Setelah perusahaan perlombongan bijih timah bertambah maju dan kawasan bertambah berkurangan ada di antara orang melayu yang sanggup menjual tanah mereka. Dua faktor penting menyebabkan orang melayu sanggup mmenjualkan tanah kampung mereka ialah kerana tawaran tanah baru dan wang pampasan serta kampung mereka selalu dilanda banjir.

Pada ketika itu Ipoh hanyalah sebuah kampung yang kecil mempunyai beberapa pondok berbumbungkan atap nipah

Search...

Search...

## ARTIKEL BERKAITAN

- [Profil Am Kawasan Pemeliharaan Majlis Bandaraya](#)
- [Objektif Pengkalan dan Pemeliharaan Warisan-warisan Bersejarah Majlis Bandaraya Ipoh](#)
- [Konsep Pemeliharaan Am - Pemeliharaan Di Dalam Konteks Peningkatan Kualiti Tempat Dan Kepentingan Budaya](#)
- [Kesan Pembangunan Pesat Terhadap Imej 'Tempat' Dan Nilai-Nilai Budaya Setempat](#)
- [Matlamat](#)
- [Sekolah Anglo Chinese](#)
- [KAEDAH PEMAKAIAN](#)
- [KAWALAN PEMAJUAN SPATIAL](#)
- [KAWALAN NISBAH PLOT](#)
- [KAWALAN KETINGGIAN](#)
- [GARIS PANDUAN UMUM PERANCANGAN DAN PEMULIHARAAN BANDAR DAN KAWASAN WARISAN](#)
- [KAWALAN PERANCANGAN DAN REKABENTUK BANGUNAN WARISAN KATEGORI 2](#)
- [KAWALAN PERANCANGAN DAN REKABENTUK BANGUNAN WARISAN KATEGORI SATU \(1\)](#)
- [GARIS PANDUAN INFILL, RE-PLACEMENT DAN RE-INSTATE](#)
- [GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN IMPAK WARISAN \(HERITAGE IMPACT ASSESSMENT-HIA\)](#)
- [Sekolah Anderson Ipoh](#)
- [Sekolah St.Michael Ipoh](#)
- [Sekolah Convent](#)
- [KAWALAN PEMBANGUNAN BARU DALAM KAWASAN WARISAN](#)
- [GARIS PANDUAN PAPAN TANDA DAN PAPAN IKLAN](#)

dengan penduduknya seramai 200 orang. Setelah bijih timah dijumpai di kawasan sekitarnya, ramailah para pelombong dari lain-lain bahagian Negeri Perak dan dari tempat-tempat lain bertumpu ke Lembah Kinta. Kemudian Ipoh memainkan peranan sebagai sebuah pekan untuk bekalan keperluan para pelombong. Bandar Ipoh mula menjadi pesat dengan pelbagai kegiatan dan aktiviti perniagaan.

Dalam tahun 1890, sebuah jambatan kayu telah dibina menyeberangi Sungai Kinta untuk kemudahan orang ramai. Ipoh membesar sehingga menjadi salah sebuah daripada pekan yang terbesar dalam Daerah Kinta. Dengan majunya perusahaan bijih timah, Ipoh menjadi bertambah penting lagi. Mulai saat itu, Ipoh terus bergerak dari sebuah perkampungan perlombongan bijih timah menjadi pusat perdagangan yang dapat menarik ramai pelabur dari luar.

Dua tragedi yang paling sedih pernah dialami oleh bandar Ipoh iaitu pada 01 June 1892 satu kebakaran besar telah berlaku mengakibatkan kemusnahan 123 buah rumah kediaman dan kedai. Kemudian diikuti pula banjir besar dalam tahun 1926. Namun begitu bandar Ipoh terus membangun tanpa menoleh ke belakang lagi.

Evolusi bandar Ipoh dari sebuah perkampungan pasar hingga menjadi bandaraya mengambil masa satu abad. Dengan terjadinya ia sebuah bandaraya, penduduknya boleh merenung ke belakang. Dengan rasa bangga terhadap pencapaiannya yang cemerlang itu. Semuanya ini adalah usaha orang-orang yang berpandangan jauh dan juga kerana unsu-unsur semulajadi.

Sejak Lembah Kinta dikenali sebagai wilayah "galian" terkemuka di rantau ini, Ipoh semakin hari semakin maju. Bilangan penduduknya juga bertambah. Dalam tahun 1902, terbinalah sebuah institusi Kewangan Chartered Bank yang diikuti oleh pembinaan bank-bank lain, termasuk HongKong dan Shanghai Bank.

#### Penafian

Portal ini disediakan untuk tujuan mendapatkan maklumat sahaja dan tidak harus bergantung sepenuhnya untuk ketepatannya. Jabatan Perancangan Bandaraya dan Majlis Bandaraya Ipoh tidak al sebarang kerugian diatas penggunaan maklumat dari portal ini.



Untuk maklumat lanjut sila buat semakan di Jabatan Perancang Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Greentown, 30450 Ipoh.